

Malaysians for Beng Hock



Malaysians for Beng Hock adalah satu inisiatif rakyat bertujuan menuntut keadilan untuk mendiagnos Teoh Beng Hock dan keluarganya. Satu tahun dan lima bulan telah lalu, keluarganya masih menunggu satu jawapan. Teoh Beng Hock ialah seorang pembantu politik kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, beliau dijumpa mati secara misteri pada 16hb Julai 2009 selepas disoal-siasat oleh pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai saksi sehingga pukul 3:45am di Shah Alam, Selangor.

Kami menyarankan agar semua penyeksaan – sama ada di lokap polis, SPRM, penjara atau lain-lain tempat – dihentikan. Kami berharap tragedi macam Beng Hock tidak berlaku lagi, kami menggesa kerajaan menggubal 'Akta Hak Asasi Manusia', menjamin keselamatan anda dan keluarga anda.


Hubungi Kami : Penyelaras Ng Yap Hwa (012-2658448) atau Chong Kok Siong (012-2138610) atau blog kami <http://malaysiansforbenghock.wordpress.com>

Sekretariat : KLSCAH, No 1, Jalan Maharajalela, 50150 Kuala Lumpur



“ KEADILAN UNTUK BENG HOCK”

Teoh Beng Hock telah mati 1 tahun & 5 bulan, tiada satu jawapan sehingga sekarang



Apa yang telah berlaku di inkues Beng Hock tidak dapat menyakinkan rakyat prosiding tersebut adalah adil. Patologi Thailand Dr. Pornthip diugut, pegawai siasatan, patologi tempatan dan penterjemah langsung tidak berprofesional dan tidak serius, peguam SPRM cuba menghina Beng Hock dan keluarganya, Pendakwa raya menyimpan nota misteri selama satu tahun, semua ini menyakiti hati keluarganya, jawapan masih tidak dijamin

Tak Nak Inkues, Mahu SSD sahaja, sila ambil tindakan berikut :

1. Tandatangani meminta Perdana Menteri menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (SSD) untuk menyiasat kematian Beng Hock. Anda boleh mendapatkan boring tandatangan dpd penyelaras kami (012-2658448/2138610) atau tandatangan di laman web <http://www.petitiononline.com/m4bh/>
2. Menjadi AJK perhubungan tempatan kami, menolong kami mengumpul tandatangan dan menganjurkan aktiviti
3. Membuat dermaan kepada kami bagi menyokong gerakan ini, sila hubungi penyelaras kami Ng Yap Hwa (012-2658448)

Beng Hock Tiada Alasan Mahu Bunuh Diri

- Beliau tidak melakukan sebarang kesalahan dan Cuma seorang saksi dalam siasatan tersebut
- Beliau akan mendaftar kahwin pada esok hari siasatan
- Beliau baru sahaja menghubungi kawan buat persediaan upacara perkahwinannya
- Tunangnya telah mengandung anaknya
- Patologi Thai Dr. Pornthip pasti Beng Hock bukan bunuh diri
- Patologi tempatan Dr. Khairul mengakui bahawa daripada maklumat latar belakang Beng Hock, beliau tidak semacam orang ingin bunuh diri

Kematian Beng Hock menimbulkan kesangsian rakyat

- Ahli Majlis Perbandaran Kajang Tan Boon Wah yang disoal-siasat pada masa sama dengan Beng Hock, membongkarkan bahawa pegawai SPRM membuat ugutan ingin pukuhnya, membogelkannya dan membawa isteri serta anaknya ke SPRM. Pegawai SPRM juga memaki beliau “Cina Bodoh, dari China ah?”, memaksa beliau disoal-siasat dengan berdiri tegak, tidak boleh bergerak
- SPRM tidak membenarkan majikan Beng Hock dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Selangor memasuki kawasan kejadian selama 4-5 jam, tidak melaporkan polis serta-merta, ini memang luar biasa!
- SPRM berkata mayat Beng Hock dijumpa pada 1:30pm, tetapi pintu besar SPRM dinampak tutup secara misteri pada 1:35pm, SPRM hanya mengumumkan kematian Beng Hock pada 6pm
- Polis berkata mereka mendapatkan telefon bimbit dan barangan Beng Hock daripada pegawai SPRM, ini membuktikan SPRM

berbohong bahawa Beng Hock telah dilepaskan dan SPRM tidak menyimpan telefon bimbit Beng Hock!

- Pegawai SPRM membuat laporan polis untuk menghalang Patologi Thai Dr. Pornthip daripada memberi keterangan di Malaysia
- Kenyataan-kenyataan pegawai SPRM di inkues bercanggah satu sama lain semasa disoal oleh peguam Gorbind Singh
- Pihak polis dan patologi tempat sengaja tidak menyiasat bukti-bukti penting, mereka hanya membuat siasatan mengikut arah bunuh diri dan tidak mampu menjawab soalan peguam Gorbind Singh berulang kali di inkues
- Kenapa Pendakwa Raya menyimpan nota misteri selama satu tahun? Pegawai siasatan mengakui bahawa nota tersebut mungkin dimasukkan ke dalam beg Beng Hock selepas Beng Hock dijumpa mati
- Peguam SPRM Abdul Razak berkata Beng Hock mencekik diri sendiri telah

Soalan kami:

Mengapakan SPRM sering mengganggu inkues menyiasat kematian Beng Hock, apa yang mereka cuba menyembuyikan?



Ahli-ahli Malaysians for Beng Hock membawa isu ini Ke Dataran Pidato Pulau Pinang